

13 Sept 2024

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi FGV ARING

FGV ARING telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan **FGV ARING..** Penilaian akan dilaksanakan ke atas 10 rancangan dan sebuah kilang yang diuruskan oleh **FGV ARING.**

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi **FGV ARING** pada **21-24.10.2024.** Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholder' dan MS 2530-4:2013 'General Principle for Palm Oil Mill'. Salinan Standard MSPO 2530-3-2013 & MS 2530-4:2013 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Rujukan GPS
Ladang Aring 2	Ladang Aring 02, P.O NO.52, 18300 Gua Musang, Kelantan	2096.84	N 4° 56' 20" E 102° 22' 09"
Ladang Aring 3	Ladang Aring 03, P/S 43, 18300 Gua Musang, Kelantan	2038.44	N 4° 57' 22.8" E 102° 17' 46.5"
Ladang Aring 4	Ladang Aring 4, Peti Surat No 49, 18300 Gua Musang, Kelantan	2833.94	N 4° 53' 48.7" E 102° 19' 09.5"
Ladang Aring 5	Ladang Aring 5, Peti Surat No 2, 18300 Gua Musang, Kelantan	1733.30	N 4° 48' 30" E 102° 19' 12"
Ladang Aring 6	Ladang Aring 6, Peti Surat 34, 18300 Gua Musang, Kelantan	2106.06	N 4° 57' 9" E 102° 23' 56"
Ladang Aring 7	Ladang Aring 7, Peti Surat 34, 18300 Gua Musang, Kelantan	2208.16	N 4° 52' 00" E 102° 39' 92"
Ladang Aring 8	Ladang Aring 8, Peti Surat No 49, 18300 Gua Musang, Kelantan	2600.85	N 4° 58' 26" E 102° 26' 16"
Ladang Aring 10	Ladang Aring 10, Peti Surat 24, 18300 Gua Musang, Kelantan	2192.42	N 4° 55' 53.5" E 102° 27' 03.4"
Ladang Aring 11	Ladang Aring 10, Peti Surat 24, 18300 Gua Musang, Kelantan	1801.00	N 4° 55' 53.5" E 102° 27' 03.4"
Ladang Aring 15	Ladang FELDA Aring 15, Peti Surat 51, 18300 Gua Musang, Kelantan	1177.54	N 4° 57' 23.0" E 102° 17' 43.0"

Kilang	Alamat	Kapasiti Kilang (MT/HR)	Rujukan GPS
Kilang Sawit Aring	Kilang Sawit Aring A, Peti Surat 30, 18300 Gua Musang, Kelantan	54	N 4°56'24.9", E 102°21'48.0"

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web: <https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian di **FGV ARING** terdiri daripada:

- i) En. Mohamad Irwan bin Senin sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) En. Ermadasila bin Mohamad sebagai Juruadit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) En. Azmi bin Adnan sebagai Juruadit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iv) En. Mohd Rizal bin Md Kassim sebagai Juruadit (Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 21.10.2024

Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari

Lokasi : Ladang Aring 4, Peti Surat No 49, 18300 Gua Musang, Kelantan

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Atika Binti Bakar
Trans Certification & Inspection Sdn.
Bhd.
No. B30, Tingkat 1,
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Atika Binti Bakar

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.